

MAJLIS PERBANDARAN SIBU
(Pejabat Pegawai Pengurus N.52 – Dudong)

KENYATAAN TAWARAN (SEBUT HARGA)

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang **221503** (Penyewaan dan Pengurusan Kenderaan/Jentera/Kenderaan Rekreasi) yang sah dan masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya sehingga tarikh jangkaan Pilihan Raya Umum DUN Sarawak Ke-12 selesai / 01.01.2022 bagi menyertai sebut harga di bawah :-

Nombor Sebut harga	Tajuk Sebut Harga	Tarikh, Masa & Tempat Mendapatkan Dokumen Tawaran Sebut Harga	Tarikh dan Masa Tutup Sebut Harga
133/SMC/ADM/ 384/17/33	Menyediakan perkhidmatan pengangkutan darat untuk membawa petugas-petugas pilihan raya dalam Bahagian Pilihan Raya : N52 - DUDONG	Tarikh : 16.11.2021 – 24.11.2021 Masa : 8:00 pagi – 4:00 petang Tempat : Majlis Perbandaran Sibu (Bahagian Pentadbiran) Tingkat 23, Wisma Sanyan, Sibu atau Majlis Perbandaran Sibu (Bahagian Undang-Undang) Tingkat 23, Wisma Sanyan, Sibu	25.11.2021 (Khamis) tepat jam 12:00 tengah hari

Dokumen tawaran sebut harga boleh diperolehi secara percuma pada tarikh dan masa di alamat seperti di atas dengan menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN DALAM KOD BIDANG YANG BERKAITAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa mendapatkan dokumen sebut harga.

Dokumen tawaran sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya yang SAH sahaja dengan membawa "SURAT PERWAKILAN KUASA" yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Sebut Harga bagi pihak syarikat. Wakil yang sah hanya dibenarkan mewakili satu (1) syarikat sahaja.

Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu tawaran sebut harga sahaja.

Borang Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan Nombor Sebut Harga dan dimasukkan ke peti sebut harga **pada atau sebelum 25.11.2021 jam 12:00 tengah hari** di :-


Pejabat Pegawai Pengurus
N.52 – DUDONG
d/a Majlis Perbandaran Sibu
Pejabat Setiausaha Perbandaran (Bilik No. T23P2-02)
Tingkat 23, Wisma Sanyan, No. 1, Jalan Sanyan,
96000 Sibu, Sarawak

Sebut harga adalah sah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas tarikh tutup. Sekiranya syarikat tuan/puan tidak menerima makluman selepas tempoh tersebut sila anggap sebut harga yang dikemukakan tidak berjaya.

Penyebut Harga dikehendaki mengemukakan SEMUA dokumen sokongan yang diminta oleh pejabat ini. Penyebut Harga yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, maka pejabat ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Penyebut Harga.

Tawaran Sebut Harga yang lewat diterima sepertimana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran. Keputusan yang dibuat adalah MUKTAMAD.



(ABDUL RAZAK BIN AWANG BINI)
Pegawai Pengurus
N.52 – DUDONG

Tarikh : 15 November 2021